



Anwar melambaikan ke arah jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Usamah Bin Zaid, Wangsa Maju, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Keputusan perolehan terkait isu rasuah dibekukan sementara

Langkah pastikan kementerian, agensi patuhi peraturan proses serta bebas penyelewengan

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.com

Kuala Lumpur: Semua keputusan perolehan membabitkan tentera, polis serta agensi berkaitan, yang terkait dengan isu rasuah, dibekukan sementara untuk memastikan peraturan proses berkenaan dipatuhi sepenuhnya dan bebas daripada unsur rasuah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ini bagi membolehkan kementerian dan agensi berkaitan meneliti dan menyusun semula proses perolehan.

Katanya, langkah itu penting kerana masih wujud pihak memandang ringan isu rasuah dengan mempertahankan perbuatan berkenaan, termasuk tindakan ke atas bekas pemimpin yang memiliki kekayaan berbilion ringgit.

"Di Parlimen umpamanya, apabila tindakan diambil terhadap mantan-mantan menteri yang ada kekayaan berbilion, kadang-kadang kita disanggah dan tidak diberikan kerjasama.

"Budaya buruk dan merosakkan ini mesti diperbaiki segera," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di

Masjid Usamah Bin Zaid di Wangsa Maju, di sini, semalam.

Sebelum ini, Kementerian Pertahanan dilaporkan merancang rombakan besar-besaran pelan antirasuah tahun ini, termasuk menyemak semula keseluruhan proses tender dan perolehan selaras amalan terbaik tadbir urus.

Banteras ketirisan

Usaha itu bertujuan membantaras ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa yang boleh menjejaskan wibawa institusi pertahanan negara.

Pada 7 Januari lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bekas Panglima Tentera Darat dan dua isterinya berkaitan projek perolehan Tentera Darat, selain menyita barang bernilai RM11.4 juta hasil risikan di dua tempat, iaitu di sebuah rumah di Kuala Lumpur dan satu lagi di Besut, Terengganu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pembanteras rasuah memerlukan tekad politik yang kuat serta kerjasama seluruh rakyat.

"Kefahaman mengenai kesan buruk rasuah perlu diperluas kepada semua lapisan masyarakat.

"Kerajaan tidak campur tangan dalam urusan penyiasatan, namun memandang serius perkembangan berkaitan rasuah kerana kegagalan mengambil tindakan tegas secara menyeluruh boleh membawa kesan buruk kepada ekonomi dan kehidupan rakyat.

"Jika RM10 juta atau RM20 juta diambil secara tidak sah, wang itu sepatutnya kembali kepada kerja pasukan tentera pada peringkat bawahan atau

projek kecil yang memberikan manfaat terus kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau menunggu laporan terperinci berhubung sebarang kelompok atau kelemahan dalam sistem perolehan sedia ada.

Katanya, ini termasuk kelulusan perbelanjaan bernilai kecil yang mudah disalahgunakan oleh jabatan tertentu, termasuk Kementerian Pertahanan.

Anwar berkata, seharusnya tidak timbul persepsi negatif terhadap mana-mana kementerian atau pasukan keselamatan susulan tindakan undang-undang yang diambil berhubung kelemahan dalam pelaksanaan projek tertentu.

Beliau berkata, tindakan tegas itu hanya membabitkan segelintir pegawai yang didapati terabit dalam kes rasuah dan tidak seharusnya dikaitkan dengan imej atau kredibiliti keseluruhan kementerian atau agensi berkenaan.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pihaknya akur arahan Perdana Menteri itu dan sedang mendapatkan maklumat lanjut bagi meneliti perincian pelaksanaannya, selaras kerangka tadbir urus, peraturan kewangan dan perundangan yang berkuat kuasa.

Katanya, kementerian akan menilai secara mendalam implikasi keputusan itu terhadap pelaksanaan perolehan sedia ada, termasuk kontrak yang sudah dimeterai, dengan mengambil kira obligasi kontrak sedia ada, keperluan operasi semasa serta kepentingan keselamatan negara secara menyeluruh.